

India larang eksport sejak September

Putrajaya: Kenaikan mendadak harga bawang merah India di negara ini berpunca kekurangan bekalan dari negara penghasil berikutan larangan eksport.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Rosli Ahmad, berkata larangan itu menyebabkan India menghentikan eksport bahan itu sejak September lalu.

Beliau berkata, tindakan itu berpunca daripada penyusutan bekalan di India akibat cuaca tidak menentu, pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyat mereka.

"Kenaikan harga memang berlaku dan kami kesan kenaikan ini bermula sejak September lagi sebaik sahaja larangan eksport oleh Kerajaan India.

"Kami belum mengesan lagi ada aktiviti mencatut berhubung perkara ini, setakat ini tiada tindakan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatatan (AKHAP) 2011," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pengguna juga masih mempunyai alternatif bawang import lain seperti dari Pakistan, China, Thailand dan Myanmar yang dijual pada harga lebih rendah.

Tindakan itu berpunca penyusutan bekalan di India akibat cuaca tidak menentu, pilihan raya negara berkenaan, selain memberi tumpuan kepada keperluan rakyat mereka.

Rosli Ahmad,
Timbalan Pengarah
Penguat Kuasa KPDNHEP